

Headline	Isu harumanis akan disiasat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	5	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	328 cm ²
Journalist	MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS	AdValue	RM 5,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,785



Isu harumanis akan disiasat

MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menyiasat dakwaan sejumlah besar mangga harumanis dibakar di Perlis, baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, beliau sendiri akan menyiasat perkara tersebut, memandangkan isu berkenaan mendapat perhatian daripada pelbagai pihak.

"Saya sendiri akan menyiasat perkara ini bahawa adakah benar harumanis ini dibakar disebabkan oleh lambakan atau disebabkan kualiti buah yang tidak memenuhi piawaian.

"Saya tidak begitu jelas mengenai hal ini dan saya akan mendapatkan laporan berhubung perkara tersebut," katanya kepada media selepas program pengagihan bubur lambuk dan sumbangan asnaf Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di kementerian berkenaan, di sini, semalam.

Kira-kira 700 warga kementerian menerima bubur lambuk yang dimasak dengan menggunakan ikan Q-Fish, manakala kementerian menyumbangkan sebanyak RM9,900 kepada beberapa asnaf kementerian tersebut.

Menurutnya, pihak kementerian tidak terkejut dengan tindakan segelintir pengusaha terbabit memandangkan permintaan terhadap harumanis menurun ketika bulan puasa.

Beliau berkata, pengusaha dan peniaga sepatutnya sudah menjangkakan trend penurunan permintaan terhadap mangga terbabit semasa bulan Ramadan dan sepatutnya merancang beberapa langkah bagi meng-

“ Saya sendiri akan menyiasat perkara ini bahawa adakah benar harumanis ini dibakar disebabkan oleh lambakan atau disebabkan kualiti buah yang tidak memenuhi piawaian.”

- Ahmad Shabery

hadapi situasi terbabit.

"Seharusnya, peniaga sudah melakukan perhitungan (mengenai jumlah harumanis yang perlu dituai) memandangkan bulan puasa tahun ini jatuh pada bulan Mei dan Jun.

"Jadi, pengusaha harumanis boleh mengagak, berapa tan harumanis yang perlu dituai oleh mereka dan hal ini sepatutnya tidak menjadi isu," ujarnya.

Selain itu, Shabery berkata, pengusaha harumanis sepatutnya melihat pasaran buah itu dan sekiranya penjualan harumanis tidak menggalakkan di Perlis, mereka perlu berusaha untuk menjualnya ke pasaran luar.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan pengusaha mangga itu bahawa mereka bakal menghadapi saingan sengit daripada beberapa buah tempatan, dari segi penentuan harga.

"Mereka terpaksa bersaing dengan buah-buah lain seperti mempelam Siam, mangga dari Pakistan dan India yang mana, kualitinya antara yang terbaik di dunia dengan harga mangga ini separuh harga daripada harga harumanis," jelasnya.

Headline	Isu harumanis akan disiasat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	5	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	328 cm ²
Journalist	MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS	AdValue	RM 5,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,785



Ahmad Shabery (tengah) ketika program pengagihan bubur lambuk dan sumbangan asnaf Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, semalam.